

Jenis Akhbar : BH Online
Tarikh : 03/04/2020
Edisi / Muka Surat : www.bharian.com.my
Tajuk : **PKP: Dana RM1b bantu koperasi**

Jumaat, 3 April 2020 | 3:48pm



Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar

PKP: Dana RM1b bantu koperasi

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mengumpul dana berjumlah RM1.09 bilion yang akan diagihkan kepada lebih 14,000 koperasi di seluruh negara bagi menangani masalah dihadapi susulan penularan COVID-19.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata jumlah itu akan digunakan bagi pelaksanaan penangguhan pembayaran dan masalah hutang yang mungkin dihadapi koperasi membabitkan kira-kira 6.6 juta ahli di seluruh negara.

“Saya sudah memberi penjelasan kepada Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, yang kerajaan mendapat sumber kewangan daripada beberapa sudut dan akan disalurkan kepada koperasi di seluruh negara.

“Kita sudah kenal pasti di mana bantuan perlu dibuat dan apabila saya mengadakan mesyuarat dengan pihak koperasi dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), kita akan letak bantuan itu kepada perkara yang perlu kita tangani,” katanya.

Beliau berkata demikian melalui program #BicaraBH bertajuk ‘COVID-19: Talian hayat untuk PKS?’ yang disiarkan melalui Facebook Berita Harian Online, hari ini.

Ditanya sama ada pinjaman ahli boleh dibekukan, Wan Junaidi berkata, perkara itu memerlukan kajian membabitkan sasaran dan keutamaan bantuan.

Pada masa sama, Wan Junaidi berkata, agensi kerajaan khususnya melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional akan membantu golongan peniaga terdiri daripada golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) yang terkesan berikutan COVID-19.

“TEKUN Nasional yang mengendalikan skim kredit mikro berjumlah RM500 juta mempunyai sistem lengkap membabitkan outlet di seluruh negara, rangkaian, pegawai dan sistem bimbingan yang boleh membantu peniaga kecil-kecilan.

“Contohnya Mak Kiah jual nasi goreng, cekodok atau pisang goreng jumlahnya begitu ramai dan kita tidak boleh pandang rendah kerana mereka mempunyai sumbangan kepada negara dan ekonomi keluarga serta pekerjaan.

“Golongan B40 ini bagi saya perlu dijaga secara berterusan dan mempunyai sistem untuk bantu daripada TEKUN atau AIM (Amanah Ikhtiar Malaysia),” katanya.

Katanya, kementerian meminta semua pihak terutama agensi yang berkaitan dengan kelulusan pinjaman dan dokumentasi seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pejabat Mahkamah Tinggi dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dibenarkan beroperasi bagi memudahkan urusan berkenaan.

Katanya, ia perlu sebagai memudahkan pengurusan terhadap kemudahan ditawarkan kerajaan contohnya melalui pemberian pembiayaan khas maksimum sehingga RM1 juta oleh SME Bank kepada syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas akibat COVID-19 seperti diumumkan sebelum ini.

“Kalau nak memohon kena buat proses dokumentasi di LHDN tetapi sekarang pejabat tutup, begitu juga di Pejabat Mahkamah Tinggi, pejabat peguam.

“Semua ini kena kerja bersama, kalau tak ia akan berhenti di satu tempat,” katanya.

Mengenai operasi industri makanan di negara ini sepanjang COVID-19, pihaknya sering membangkitkan kebenaran turut harus diberi kepada subsektor yang terbabit dalam rantaian itu seperti pembungkusan dan pengangkutan.

Katanya, ia bagi memastikan rantaian bekalan makanan tidak terganggu sepanjang pelaksanaan PKP.